



DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS DAERAH BATU GAJAH 2025

Ringkasan Eksekutif



Isi Kandungan

Menjelak Zaman Gemilang...1

PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN...3

KAWASAN PERANCANGAN...4

DEMOGRAFI...5

ANALISIS PEMBANGUNAN...7

ASPIRASI PEMBANGUNAN...9

KONSEP PEMBANGUNAN...10

CADANGAN GUNA TANAH 2025...11

EKONOMI YANG BERDAYA MAJU...13

KOMUNITI YANG SEJAHTERA...15

PUTUS BANDAR YANG MENARIK DAN BERDAYA SAING...17

ALAM SEKITAR YANG TERPELIHARA...19

SISTEM PRASARANA YANG CEKAP...20

SISTEM PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN...21



Menjejak Zaman Gemilang...





Ketika era perlombongan bijih timah sedang giat berkembang maju di Daerah Kinta, Batu Gajah adalah pusat pentadbiran utamanya. Pada ketika itu, Batu Gajah merupakan bandar paling penting di Kinta, dan mungkin, bandar kedua terpenting di Perak selepas Taiping yang merupakan ibu negeri.

Sebelum kedatangan Inggeris, telah wujud tiga pusat perlombongan utama yang diusahakan oleh pelombong Melayu dan Cina di Daerah Kinta iaitu di Gopeng, Lahat dan Papan. Sungai Kinta menjadi laluan pengangkutan utama yang menghubungkannya dengan dunia luar. Hasil perlombongan dari Papan diangkat keluar dari Batu Gajah melalui Sungai Kinta yang menyumbang kepada pertumbuhan bandar Batu Gajah sebagai pusat aktiviti ekonomi yang utama.

Pada tahun 1884, apabila pihak Inggeris mengalihkan pusat pentadbirannya dari Kota Bharu ke Batu Gajah, sebuah kawasan bukit yang landai atau 'changkat' telah dipilih untuk menempatkan pejabat-pejabat pentadbiran, kediaman, hospital, balai polis, penjara dan kelab sosial. Walau bagaimanapun kepentingan Batu Gajah sebagai pusat pentadbiran hanya dapat bertahan selama lebih kurang 10 tahun.

Kepentingannya kian pudar dengan peningkatan Ipoh yang berkembang berlipat kali ganda dari segi bilangan penduduk dan ekonomi, hasil daripada aktiviti perlombongan bijih timah yang meluas. Selain daripada itu, Ipoh juga mempunyai kelebihan dari segi kedudukannya di tengah-tengah Perak dan mempunyai perkhidmatan keretapi yang menghubungkannya dengan Pelabuhan Anson.

Kini, walaupun Batu Gajah ketinggalan dari segi pembangunan berbanding Bandaraya Ipoh, senario dan potensi pembangunan semasa menampakkan masa depan yang cerah untuk kawasan Majlis Daerah Batu Gajah. Dengan perancangan dan pelaburan yang bijak, tidak mustahil Batu Gajah dapat muncul sebagai pusat pembangunan penting di Lembah Kinta, sekaligus mengembalikan zaman kegemilangannya pada suatu ketika dahulu.



PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN


DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS DAERAH BATU GAJAH 2025 (RT MDBG 2025)

disediakan selaras dengan peruntukan undang-undang yang terkandung dalam Seksyen 12, Bahagian III, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), termasuk pindaan-pindaan pada tahun 1995 (Akta A933) dan pada tahun 2001 (Akta A1129). Penyediaan Rancangan Tempatan ini akan melengkapkan sistem perancangan fizikal negara yang terdiri dari tiga peringkat utama iaitu Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan.

Selain untuk menggantikan rancangan pembangunan terdahulu iaitu Rancangan Tempatan Daerah Kinta 2015, Rancangan Tempatan ini juga adalah untuk memenuhi keperluan dan kehendak pembangunan masa kini dan akan datang terutamanya yang melibatkan kawasan pembangunan baru, pemeliharaan Kawasan Sensitif Alam Sekitar dan penyediaan kemudahan dan infrastruktur, selaras dengan pertambahan penduduk dan faktor-faktor lain yang mempengaruhi.



PROSES PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN







KAWASAN PERANCANGAN

KAWASAN RT MDBG

Kawasan RT MDBG terletak dalam sebahagian Daerah Kinta iaitu bahagian tengah Negeri Perak. Keluasan kawasan RT MDBG adalah 67,470.00 hektar yang meliputi kawasan MDBG sedia ada dan kawasan peluasan, seperti berikut:

KAWASAN RT MDBG	KELUASAN (HEK)	PERATUS (%)
KAWASAN MDBG SEDIA ADA • Mukim Sungai Terap • Mukim Blanja • Mukim Tanjung Tualang • Sebahagian Mukim Sungai Raia	59,700.00	88.48
KAWASAN PELUASAN MDBG • Sebahagian Mukim Hulu Kinta	7,770.00	11.14
KAWASAN KESELURUHAN RT MDBG	67,470.00	100.00





DEMOGRAFI

JUMLAH PENDUDUK KAWASAN RTMDBG

JUMLAH PENDUDUK KESELURUHAN (TAHUN 2000 & TAHUN 2010)

TAHUN 2000	TAHUN 2010	PERTAMBAHAN PENDUDUK	KADAR PERTUMBUHAN PENDUDUK TAHUNAN
89,079 orang	109,962 orang	20,883	1.54%

India 12%

Lain-Lain 0.2%

Cina 32%


Bumiputra Lain 7.8%

Melayu 48%


JUMLAH PENDUDUK MENGIKUT BANGSA (2010)

MUKIM BLANJA

14,611 orang

MUKIM SUNGAI RAI

29,706 orang

MUKIM SUNGAI TERAP

49,095 orang

MUKIM TANJONG TUALANG

16,550 orang

JUMLAH BESAR

109,962 orang

JUMLAH PENDUDUK MENGIKUT JANTINA (TAHUN 2010)



2.4% +75

2.4% 70-74

2.8% 65-69

4.4% 60-64

4.6% 55-59

5.6% 50-54

6.3% 45-49

6.8% 40-44

6.6% 35-39

7.0% 30-34

7.0% 25-29

8.1% 20-24

9.3% 15-19

10.0% 10-14

9.1% 5-9

7.6% 0-4


JUMLAH PENDUDUK MENGIKUT KUMPULAN UMUR (TAHUN 2010)



UNJURAN PENDUDUK MENGIKUT MUKIM (TAHUN 2025)

Dari tahun 2010 hingga tahun 2025, penduduk kawasan RTMDBG dijangka meningkat dari 109,962 orang kepada 167,380 orang, iaitu peningkatan lebih 50,000 orang dalam tempoh 15 tahun.

Penduduk paling ramai adalah di Mukim Sungai Terap terutama di sekitar Bandar Batu Gajah, diikuti oleh Mukim Sungai Raia terutama di sekitar Simpang Pulai.





ANALISIS PEMBANGUNAN

KEUATAN, KELEMAHAN, PELUANG DAN ANCAMAN UNTUK PEMBANGUNAN

S

KEKUATAN (STRENGTH)

- Limpahan pembangunan daripada Bandaraya Ipoh dan Manjung memberikan kesan positif kepada pembangunan fizikal.
- Wujudnya projek komited seperti:
 - Kg. Pisang dan juga Bandar Batu Gajah melalui cadangan Pusat Rel CSR dan Akademi Keretapi;
 - Industri perkuarian di sekitar kawasan Simpang Pulai;
 - Cadangan pembangunan Bandar Tasik Aman Jaya;
 - Projek-projek komited perumahan berskala kecil dan sederhana.
- Elemen sejarah seperti bangunan lama di Bandar Batu Gajah, Kellie's Castle dan Warisan Kapal Korek mempunyai kekuatan sebagai identiti dan sumber jaya pelancongan yang berdaya maju.



W

KELEMAHAN (WEAKNESS)

- Tahap pembangunan ekonomi dan rantaian aktiviti yang kurang berdaya saing dan berdaya maju kerana ketidaaan pemangkin ekonomi yang berupaya untuk memecut ekonomi tempatan pada tahap tinggi.
- Pekan-pekan lama yang kecil seperti Pekan Papan, Seputeh dan Tronoh semakin merosot dari segi fungsi dan persekitaran fizikal.
- Bangunan perniagaan dan rumah kampung lama yang kosong dan usang.
- Lokasinya agak jauh ke dalam dan terlindung daripada mendapat limpahan daripada koridor pembangunan utama Negeri Perak.



O

PELUANG (OPPORTUNITY)

- Berpeluang dibangunkan sebagai Bandar tarikan warisan sejarah dan makanan (Pekan Tualang) melalui pembentukan paket pelancongan bersama rel.
- Berdasarkan perkembangan pembangunan semasa, MDBG mempunyai peluang untuk mencapai status majlis perbandaran menjelang tahun 2020.
- Kesediaan tanah pertanian yang terbiasa yang berpotensi dimajukan untuk aktiviti pertanian berskala besar, komersial dan industri.
- Aktiviti perkuarian boleh menjadi penggerak ekonomi utama bagi wilayah utara kawasan MDBG, dengan garis panduan kawalan pembangunan yang meminimalkan impak negatif ke atas persekitarannya.



T


ANCAMAN (THREAT)

- Pembangunan secara meluas dan tidak terkawal ke atas kawasan bekas lombong, sekitar kawasan batu kapur, kawasan bukit berkecerunan tinggi dan kawasan hutan akan menjejaskan ekosistem sedia ada, mengakibatkan bencana alam serta memberikan impak negatif ke atas petempatan-petempatan Orang Asli yang terletak di sekitarnya. Selain itu, objektif untuk mencapai pembangunan mampan bagi daerah ini akan terjejas dan merendahkan nilai kemampuan daerah secara keseluruhannya.
- Pembangunan di kawasan pelancongan warisan dan peninggalan sejarah juga perlu dikawal selia supaya nilai-nilai warisan sejarah tersebut tidak terkompromi dengan pembangunan moden. Ini terutamanya akan memberikan tekanan kepada apa-apa cadangan pembangunan infill di dalam Bandar Batu Gajah dan sekitar kawasan Kellie's Castle.





KESEDIAAN GUNA TANAH UNTUK PEMBANGUNAN





ASPIRASI PEMBANGUNAN



VISI PEMBANGUNAN RT MDBG 2025



Memajukan Kawasan MDBG
Sebagai Hab Perbandaran
Yang Makmur, Berdaya Huni
Dan Unggul Dengan
Pemeliharaan Nilai-nilai
Warisan Dan
Alam Semujadi

MOTO



MUDAH
CEPAT
BERKESAN

OBJEKTIF STRATEGIK

- Peningkatan Kualiti Hidup
- Perbandaran Lestari dan Mapan
- ICT Sebagai Pemangkin
- Memperkuuhkan dan
Memantapkan Sumber Hasil
 - Memperkasakan tadbir urus Majlis dan
Pembangunan Insan

MISI

Merancang dan merealisasikan
pembangunan dan
INFRASTRUKTUR, memperkasakan
SOSIOEKONOMI dan **PENEMPATAN**
yang makmur, ceria dan tersusun
melalui tadbir urus yang cekap,
amanah dan berintegriti.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN VISI MDBG

Menjadikan Majlis Daerah Batu
Gajah sebagai Perbandaran-
BANDAR WARISAN PENTADBIRAN
Yang Makmur, Berdaya Huni
Dan Unggul Menjelang
Tahun 2020.

VISI


Menjadikan Majlis Daerah Batu
Gajah sebagai Perbandaran-
BANDAR REKREASI dan **LATIHAN**
Yang Maju dan Tersohor
menjelang tahun 2015.

MAJLIS DAERAH BATU GAJAH



KONSEP PEMBANGUNAN

CADANGAN KONSEP PEMBANGUNAN KORIDOR BERSEPADU



3 KORIDOR PEMBANGUNAN

- KORIDOR PEMBANGUNAN UTAMA**
Batu Gajah - Seputeh - Bandar Tasik Amanjaya - Tronoh
- KORIDOR PEMBANGUNAN SEKUNDER**
 - Pengkalan Papan
 - Simpang Pulai-Ipoh
 - Simpang Pulai - Batu Gajah
 - Jalan Gopeng-Batu Gajah
- KORIDOR PEMBANGUNAN TERTIARI**
Batu Gajah-Pekan Tualang

3 ZON PEMBANGUNAN TERKAVAL

- ZON PERTANIAN**
- ZON PEMBANGUNAN TERKAVAL**
Zon Pertanian
Zon Ekonomi Industri Asas Mineral/ Batuan
Warisan, Sejarah, Geotapak, Pelancongan
- ZON PENGEKALAN HUTAN**

PUSAT PETEMPATAN

- | |
|---|
| PUSAT PETEMPATAN UTAMA |
| 1. Batu Gajah |
| PUSAT PETEMPATAN KECIL |
| Pekan Pusing
Pekan Tronoh
Bandar Tasik Amanjaya
Pekan Tualang
Pekan Simpang Pulai |
| PUSAT PERTUMBUHAN DESA |
| (10 buah Kampung) |




CADANGAN GUNA TANAH 2025

Peta Cadangan Guna Tanah 2025 memperlihatkan pertanian dan hutan kekal sebagai guna tanah utama.

Berbanding guna tanah tahun 2014, perubahan paling ketara ialah guna tanah kediaman dan pertanian dimana kedua-duanya mengalami peningkatan sebanyak 7,251.18 hektar dan 3,566.36 hektar, masing-masing. Cadangan zon guna tanah untuk perindustrian juga bertambah lebih dua kali ganda iaitu daripada 961.83 hek pada tahun 2014 kepada 2,804.36 hek pada tahun 2025.

Kawasan hutan berkurangan kerana pada masa hadapan sebahagian daripadanya dizonkan untuk aktiviti perlombongan, terutama peluasan di sekitar kawasan perlombongan sedia ada di sekitar Keramat Pulai.




PERBANDINGAN GUNA TANAH TAHUN 2014 DAN CADANGAN GUNA TANAH TAHUN 2025

GUNA TANAH	2014 (HEK)	%	2025 (HEK)	%	PERBEZAAN
Kediaman	2,235.52	3.31	9,486.7	14.06	(+)7,251.18
Perniagaan	94.26	0.14	842.96	1.25	(+)748.70
Perindustrian	961.83	1.43	2,804.36	4.16	(+)1,842.53
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	403.43	0.60	448.53	0.66	(+)45.10
Infrastruktur dan Utiliti	471.36	0.70	608.56	0.90	(+)137.20
Pengangkutan	2,697.56	4.00	2,943.97	4.36	(+)246.41
Jumlah Luas Tepubina	6,863.96	10.17	17,135.08	25.40	10,271.12
Pertanian	18,535.43	27.47	22,101.79	32.76	(+)3,566.36
Badan Air	2,386.15	3.54	2,761.76	4.09	(+)375.61
Hutan	26,503.23	39.28	24,942.06	36.97	(-)1,561.17
Tanah Kosong	12,787.72	18.95	-	-	-
Tanah Lapang dan Rekreasi	393.51	0.58	529.31	0.78	(+)135.80
Jumlah Luas	60,606.04	89.83	50,334.92	74.60	(-)10,271.12
Jumlah Keseluruhan	67,470.00	100.00	67,470.00	100.00	-



PETA CADANGAN GUNA TANAH 2025



Sumber: Kajian Guna Tanah RT MDBG 2025 (2014)



EKONOMI YANG BERDAYA MAJU



01 MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKAN KAWASAN MDBG SEBAGAI HAB INDUSTRI BAHARU DAERAH KINTA

- 1A Mewujudkan Industri Asas Tani Dan ICT Di KPC Tronoh – Iskandar
- 1B Meningkatkan Industri Asas Tani Di KPC Kg. Changkat Tin
- 1C Memperkasakan Industri Lokomotif Di KPC 3 : Batu Gajah Outlet
- 1D Memajukan Industri Perlombongan Secara Terancang Dan Terkawal Di KP Simpang – Keramat Pulai - Tungzen
- 1E Membangunkan Industri Sarang Burung Walet Secara Terancang



02 MEMPERTINGKATKAN FUNGSI DAN PERKHIDMATAN PUSAT-PUSAT PERNIAGAAN

- 2A Membangunkan dan Memperluaskan Zon Perniagaan Bercampur Di Bandar Batu Gajah
- 2B Memperluaskan dan Menggalakkan Kawasan Perniagaan Simpang Pulai Sebagai Pusat Perniagaan Berasaskan Bahan Binaan dan Hiasan
- 2C Memperluaskan Kawasan Perniagaan Di Pekan Pusing dan Pekan Tg. Tualang
- 2D Memperluaskan Zon Perniagaan Di Pusat Perniagaan Kecil (PPK)
- 2E Membangunkan Tiga Zon Perniagaan Baharu



03 MEMBANGUNKAN SEKTOR PERTANIAN DI KAWASAN MDBG SUPAYA LEBIH PRODUKTIF DAN BERDAYA SAING

- 3A Mempertingkatkan Industri Ternakan Itik
- 3B Mempertingkatkan Produktiviti Kelapa Sawit Dan Getah
- 3C Pengurusan Mini Estet Buah-buahan
- 3D Mempertingkatkan Rantaian Pemasaran
- 3E Memperkenal Kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan/Ternakan
- 3F Mempertingkatkan Industri Herba
- 3G Membangunkan Zon Industri Akuakultur
- 3H Membangunkan Industri Asas Tani
- 3I Menggalakkan Usahatani Di Kawasan Bekas Lombong
- 3J Mengawal Pertanian Tanah Tinggi





04 MEMAJUKAN KAWASAN MDBG SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN WARISAN DAN REKREASI

- 4A Cadangan Jejak Warisan Bandar Batu Gajah
- 4B Cadangan Kawasan MDBG sebagai Destinasi Memancing
- 4C Cadangan Pusat Jualan Makanan Popular Perak
- 4D Cadangan Restoran Eksklusif
- 4E Cadangan Galeri Rumah Kediaman Al-Marhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Semasa Zaman Persekolahan
- 4F Cadangan Mini Galeri Lokomotif Batu Gajah
- 4G Cadangan Kampung Lat
- 4H Cadangan Pusat Santuari Burung Batu Gajah
- 4I Cadangan Menghidupkan Semula Pekan Papan
- 4J Cadangan Pembangunan Warisan Kapal Korek
- 4K Cadangan Perkampungan Budaya Orang Asli Sungai Raia
- 4L Cadangan Memajukan Sumberjaya Baru Bagi Pelancongan Rekreasi
- 4M Cadangan Pusat Informasi Batu Gajah



05 MENARIK LEBIH RAMAI PENGUNJUNG KE KAWASAN MDBG DAN UNTUK TEMPOH YANG LEBIH LAMA

- 5A Cadangan Pakej-pakej Pelancongan Yang Menarik
- 5B Cadangan Kalendar Tahunan Pelancongan Batu Gajah
- 5C Cadangan Hotel Butik
- 5D Menyediakan Kemudahan Bas Pelancong





KOMUNITI YANG SEJAHTERA



06 MEMASTIKAN PENDUDUK MENDAPAT AKSES KEPADA TEMPAT TINGGAL YANG BAIK DAN MENCUKUPI

- 6A Cadangan Kawasan Keutamaan RPT Baharu
- 6B Cadangan Pembangunan Kediaman Untuk Orang Asli
- 6C Cadangan Galakan Penyediaan Kemudahan Kediaman Untuk Pekerja



07 MEMPERTINGKATKAN DAYA HUNI KAWASAN PETEMPATAN DI KAWASAN MDBG

- 7A Cadangan Membangunkan Semula Projek Perumahan Yang Terbengkalai
- 7B Cadangan Pelan Induk Kadar Kekosongan dan Gunasemula Rumah Kampung Tradisional Yang Menarik
- 7C Cadangan Melaksanakan Inisiatif Kejiranan Hijau



08 MENYEDIAKAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG BAIK DAN MENCUKUPI


- 8A1 Cadangan Pertambahan Blok Sekolah SK Toh Indera Wangsa Ahmad
- 8A2 Cadangan Pertambahan Blok Sekolah SMK Sultan Yussuf
- 8A3 Cadangan Perluasan Kawasan Sekolah SMK Toh Indera Wangsa Ahmad
- 8A4 Cadangan Sekolah Rendah Baharu di Bandar Tasik Amanjaya
- 8B1 Cadangan Pembangunan Semula IPD Batu Gajah
- 8B2 Cadangan Balai Polis Baharu di Kg. Changkat Timah dan Simpang Pulai
- 8B3 Cadangan Balai Polis Baharu di Bandar Tasik Amanjaya
- 8C Cadangan Balai Bomba Baharu di Bandar Tasik Amanjaya
- 8D1 Cadangan Klinik Kesihatan di Pusing
- 8D2 Cadangan Klinik Kesihatan Baharu di Simpang Pulai
- 8D3 Cadangan Klinik Kesihatan Baharu di Bandar Tasik Amanjaya
- 8E Cadangan Perpustakaan di Tanjung Tualang





09 MENYEDIAKAN KEMUDAHAN REKREASI YANG BAIK DAN MENCUKUPI

- 9A Cadangan Taman Wilayah (Taman Alam Kinta)
- 9B Cadangan Taman Bandaran Batu Gajah
- 9C Cadangan Taman Tempatan (TT) Batu Gajah
- 9D Cadangan Padang Kejiraninan (PK)
- 9E Cadangan Menaiktaraf Kemudahan Rekreasi Arena Square
- 9F Cadangan Menaiktaraf Taman Herba Papan



RANGKAIAN KAWASAN REKREASI DAN KAWASAN LAPANG DI KAWASAN RT MDBG



PUSAT BANDAR YANG MENARIK DAN BERDAYA SAING



10 MEMBANGUNKAN BANDAR BATU GAJAH SEBAGAI BANDAR WARISAN PENTADBIRAN DAERAH KINTA

- 10A Cadangan Taman Menara
- 10B Cadangan Pengindahan Dataran LA21
- 10C Cadangan Pengindahan Kawasan Hadapan Masjid
- 10D Cadangan Pengindahan Kawasan Tepian Sungai Kinta
- 10E Cadangan Pengindahan dan Papan Tanda Pintu Masuk Ke Pusat Bandar
- 10F Cadangan Pemeliharaan Bangunan Berkepentingan Warisan
- 10G Cadangan Pemeliharaan Rumah Kedai Lama
- 10H Cadangan Pembangunan Semula Kawasan Sekitar Arked MARA
- 10I Cadangan Pembangunan Semula Tapak Kuarters KTMB
- 10J Cadangan Mural Warisan
- 10K Cadangan Program Bandar Selamat



11 MEMBANGUNKAN PEKAN PUSING DAN PEKAN PAPAN SEBAGAI PEKAN WARISAN BIJIH TIMAH

- 11A Cadangan Pengindahan Persekitaran Pekan Pusing
- 11B Cadangan Pengindahan Lorong Tepi Kedai Lama
- 11C Cadangan Landskap dan Pengindahan Pekan Papan
- 11D Cadangan Pemeliharaan Bangunan Berkepentingan Warisan Di Pekan Papan





12 MEMBANGUNKAN PEKAN TRONOH SEBAGAI BANDAR PENDIDIKAN

- 12A Cadangan Guna Semula Bangunan Rumah Kedai Lama**
- 12B Cadangan Pengindahan Pintu Masuk Ke Pekan Tronoh**



13 MEMBANGUNKAN PEKAN TANJUNG TUALANG SEBAGAI PUSAT PELANCONGAN MAKANAN

- 13A Cadangan Pengindahan Jalan Utama di Pekan Tanjung Tualang**
- 13B Cadangan Kemudahan Untuk Pelawat dan Pejalan Kaki**
- 13C Cadangan Keterampilan Pintu Masuk dan Mercu Tanda**



14 MEMBANGUNKAN PEKAN SIMPANG PULAI SEBAGAI PINTU MASUK UTARA

- 14A Cadangan Pengindahan Reruang Bandar**
- 14B Cadangan Papan Tanda dan Landskap Pintu Masuk**





ALAM SEKITAR YANG TERPELIHARA



15 PEMELIHARAAN KSAS DAN SUMBER SEMULAJADI

- 15A Perlindungan dan Pengekalan Sepenuhnya di Kawasan KSAS Tahap 1
- 15B Pembangunan yang Terhad di Kawasan KSAS Tahap 2
- 15C Pembangunan dengan Kawalan yang Ketat di Kawasan KSAS Tahap 3



16 MEMINIMAKAN KONFLIK / RISIKO ALAM SEKITAR AGAR SERASI DAN MAMPAK

- 16A Penyediaan Zon Penampan di Kawasan Industri Memproses Tayar Terpakai di Kawasan Industri Tungzen.
- 16B Zon Kawasan Perusahaan Kuari Keramat Pulai
- 16C Penyediaan Zon Penampan di Kawasan Kilang Berasaskan Getah Berhampiran Bandar Seri Botani
- 16D Penyediaan Zon Penampan di Kawasan Kilang Elektronik di Bandar Pulai Jaya
- 16E Penyediaan Zon Penampan di Kawasan Kilang Perusahaan Amang di Pusing.



17 KAWALAN PENCEMARAN DAN PENINGKATAN KUALITI ALAM SEKITAR

- 17A Program Pencegahan Pencemaran, Peningkatan Kualiti Air dan Pemantauan di Sg. Raia, Sg Kinta dan Sg. Tumboh.





SISTEM PRASARANA YANG CEKAP



18 MEMPERTINGKATKAN RANGKAIAN SISTEM PERHUBUNGAN AGAR BERSEPADU DAN EFISIEN

- 18A Cadangan Jalan Baharu Menghubungkan Jalan Persekutuan 5 Ke Jalan Negeri A15
- 18B Cadangan Jalan Baharu Menghubungkan Jalan Negeri A8 Ke Jalan Negeri A117
- 18C Cadangan Naiktaraf Persimpangan




19 MENYEDIAKAN KEMUDAHAN PENGANGKUTAN ALTERNATIF

- 19A Cadangan Laluan Perkhidmatan Bas Awam
- 19B Cadangan Hentian Transit
- 19C Cadangan Laluan Warisan Basikal



20 MEMPERTINGKATKAN TAHAP PENYEDIAAN DAN PENGURUSAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

- 20A1 Cadangan Menaiktaraf Sistem Pengagihan Bekalan Air
- 20A2 Cadangan Penggunaan Sistem Penuaian Air Hujan
- 20B Cadangan Menaiktaraf Sistem Talian 22kV/11kV kepada 3kV/11kV
- 20C Cadangan Menaiktaraf Ibusawat Telekom
- 20D Cadangan Menaiktaraf Tapak Pelupusan Sanitari Sedia Ada
- 20E Cadangan Sistem Rawatan Kumbahan Berpusat
- 20F1 Cadangan Merizabkan Tebing Sungai
- 20F2 Cadangan Merizabkan Bekas Lombong Sebagai Kolam Takungan
- 20F3 Cadangan Menaiktaraf Sistem Perparitan
- 20F4 Cadangan Pemasangan Perangkap Sampah
- 20F5 Cadangan Pemasangan Perangkap Minyak
- 20F6 Cadangan Pelan Induk Rangkaian Saliran dan Sistem Perparitan






PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN

ANGGARAN KOS PROJEK-PROJEK CADANGAN

JUMLAH KOS PROJEK DICADANGANKAN DALAM RTMDBG 2025

	TEMA	JUMLAH PROJEK	PERATUS (%)	ANGGARAN KOS (RM)	PERATUS (%)
	EKONOMI YANG BERDAYA MAJU	37	33.64%	77,600,000.00	12.08%
	KOMUNITI YANG SEJAHTERA	25	22.73%	297,500,000.00	46.32%
	PUSAT BANDAR YANG MENARIK DAN BERDAYA SAING	22	20.00%	121,570,000.00	18.93%
	ALAM SEKITAR YANG TERPELIHARA	9	8.18%	10,000,000.00	1.56%
	SISTEM PRASARANA YANG CEKAP	17	15.45%	135,600,000.00	21.11%
	JUMLAH	110	100.00%	642,270,000.00	100.00%

Sumber: Kajian RT MD Batu Gajah 2025





PENGENALPASTIAN PROJEK-PROJEK QUICK WINS DAN PROJEK UTAMA

Projek-projek Quick Wins (QW) dan Projek Utama (PU)dikenalpasti mengikut setiap objektif pembangunan. Ini dijalankan dengan menilai setiap cadangan projek/inisiatif berdasarkan ciri-ciri Specific, Measureable, Achievable, Relevant dan Time Bound (SMART), dan juga ciri-ciri projek QW dan PU iaitu implikasi kos, kebolehlaksanaan dan impak kepada MDBG dan juga komunitinya, iaitu:

Projek Quick Wins adalah cadangan projek yang berpotensi dilaksanakan dalam jangkamasa pendek, berimpak tinggi dengan kos praktikal.

Ciri-ciri SMART	Ciri-ciri QW & PU
S : Specific	• Kos
M : Measurable	• Kebolehlaksanaan
A : Achievable	• Impak
R : Relevant	
T : Timebound	



PROJEK QUICK WINS DAN PROJEK UTAMA DARIPADA JUMLAH PROJEK KESELURUHAN

STRATEGI	JUMLAH PROJEK/INISIATIF	CADANGAN PROJEK QUICK WIN	CADANGAN PROJEK UTAMA
• Ekonomi Yang Bersepadu & Berdaya Maju	30	11	12
• Komuniti Yang Sejahtera	27	9	12
• Pusat Bandar Yang Menarik	25	12	6
• Alam Sekitar Yang Mampan	9	4	5
• Sistem Prasarana Yang Cekap	19	7	5
JUMLAH KESELURUHAN	110	43 (39%)	40 (36.3%)



STATUS & TINDAKAN KE ARAH PENCAPAIAN TARAF MAJLIS PERBANDARAN

KRITERIA	PENCAPAIAN	TINDAKAN
1 Bandar utama atau pusat pentadbiran sesebuah daerah atau negeri.	KRITERIA DI PENUHI	Meskipun kriteria asas ini telah dipenuhi, namun perunding merasakan pusat-pusat bandar di dalam kawasan majlis perlu dinaiktaraf selari dengan status Perbandaran.
2 Kepadatan penduduk tidak kurang daripada 150000 orang.	BELUM MENCAPAI KRITERIA	Jumlah penduduk perlu ditingkatkan sebanyak 26.7% atau 40.038 orang lagi, MDBG optimis jumlah penduduk dapat ditingkatkan kepada 150,000 orang menjelang tahun 2015 berdasarkan permohonan kebenaran merancang yang diluluskan, namun mengikut pengiraan kadar pertumbuhan penduduk semasa, perunding menganggarkan agar sukar untuk mencapai sasaran pada tahun 2015.
3 Pendapatan dan sumber kewangan mampan dan pendapatan tahunan melebihi RM20 Juta dan berupaya menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan pada tahap wajar dan selesa serta sesuai dengan kualiti hidup sebuah perbandaran.	BELUM MENCAPAI KRITERIA	Pertambahan hasil dijangka akan diperoleh melalui cukai-cukai daripada pegangan baru di kawasan MDBG. Selain itu, sumber pendapatan juga akan diperoleh melalui bayaran-bayaran lain seperti lesen-lesen dan pemprosesan pelan-pelan pembangunan (Hasil Bukan Cukai & Terimaan Lain). Namun hasil permerhatian, perunding merasakan sasaran hasil RM20 juta pada tahun 2015 mungkin sukar dicapai.
4 Mempunyai kegiatan perindustrian, perniagaan, pelancongan & perumahan sedia ada atau dalam perancangan yang berpotensi memberi sumbangan kepada pertambahan pegangan yang boleh dikenakan cukai serta penjanjana peluang-peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor.	KRITERIA DI PENUHI	Perlu adanya kawasan perindustrian 'hijau' dan berteknologi tinggi' baru di dalam kawasan MDBG untuk menyemarakkan aktiviti ekonomi kawasan majlis. Terdapat juga beberapa produk pelancongan lain yang dapat diketengahkan kelak.
5 Keupayaan menyediakan ruang dan peluang kepada peniaga di samping menggalakkan aktiviti pelaburan, perniagaan dan komersial.	KRITERIA DI PENUHI	Beberapa projek komited mega di dalam kawasan RT MDBG yang dikenal pasti dapat merancakkan aktiviti perniagaan seperti Bandar Tasik Amanjaya, Bandar Tasik Idaman, Taman Kinta Perdana, Taman Tasik Puspa dan Batu Gajah Sentral yang dijangka akan mengambil masa selama 15 hingga 20 tahun untuk berkembang dan perunding menjangkakan mungkin hanya sekitar 30% ke 50% sahaja pembangunan yang akan siap menjelang 2025 .
6 Mempunyai kemudahan infrastruktur yang memuaskan serta dihubungkan dengan sistem lebuhraya yang cekap dan mempunyai konsep perancangan bandar yang mampan yang berupaya menyediakan persekitaran yang selamat dan selesa untuk didiami.. Indikator bandar mampan Malaysia Urban Indicator (MURNinet) juga akan diambil kira.	KRITERIA DIPENUHI	Perlunya pembaikan dan penambahbaikan sistem jalanraya dan infrastruktur dalam kawasan majlis terutamanya di dalam pekan Batu Gajah.
7 Mempunyai program yang boleh menggalakkan penduduk setempat untuk membangunkan komuniti masing-masing melalui tadbir urus bandar yang cekap seperti perlaksanaan Local Agenda 21 (LA21) atau penglibatan Jawatan Kuasa Penduduk.	KRITERIA DIPENUHI	Meskipun kriteria pada dasarnya telah dipenuhi, Majlis masih perlu meningkatkan usaha dan menganjurkan lebih banyak program-program komuniti terutamanya program 'hijau' dan 3R.



MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

Jalan Haji Abdul Wahab, 31000 Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan

Tel: +(605) 3632020 Faks: +(605) 3665930 <http://www.mdbg.gov.my>